

Tingkat produktiviti industri tenusu negara

KERJASAMA antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan The Holstein Milk Company Sdn. Bhd. (Holstein) bagi menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Perladangan Tenusu UPM-FarmFresh dijangka berupaya meningkatkan produktiviti industri berkenaan pada tahap melebihi lima peratus.

Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris** berkata, perjanjian selama tempoh 10 tahun itu secara tidak langsung membantu **DR. AINI IDERIS** mengurangkan kebergantungan terhadap import produk tenusu dari luar negara.

“Setakat ini, hanya lima hingga enam peratus sahaja adalah produk keluaran tempatan bermakna ada lebih 90 peratus peluang untuk usahawan tempatan berkembang dan pada masa sama, mengurangkan import.

“Pelan jangka pendek UPM ketika ini adalah untuk meningkatkan bilangan baka lembu sehingga 300 ekor berbanding 50 ekor sebelum ini dan diharap ini bukan hanya untuk kajian semata-mata tetapi juga dapat meningkatkan pendapatan negara,” katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan; Ahli Lembaga Khazanah Nasional Berhad, Tan Sri Md.

Nor Yusof dan Ketua Pegawai Operasi Holstein, Azmi Zainal.

UPM-FarmFresh ICoE dijangka siap pada Februari tahun depan dengan meliputi kawasan seluas 59 hektar bagi mempertingkatkan pelbagai

infrastruktur termasuk unit tenusu di Taman Pertanian UPM di Serdang.

Holstein turut menyumbang sebanyak RM15 juta bagi membangunkan teknologi perladangan selain pengeluaran dan produk tenusu.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai

Eksekutif Holstein, **Loi Tuan Ee** berkata, penubuhan UPM-FarmFresh ICoE merupakan komponen penting untuk industri tenusu negara kerana genetik lembu yang sesuai diperlukan untuk mengembangkan bisnis susu di negara ini.

“Untuk membina kandang dan ladang lembu tidak sukar tetapi mencari genetik yang sesuai akan mengambil masa dan ini merupakan satu cabaran iaitu sepantas mana kita boleh mengembangkan bisnis ini pada masa akan datang.

“Sebab itu peranan UPM dalam industri ini adalah membantu memilih genetik yang sesuai supaya pelaburan ini dapat meningkatkan kadar pembangunan genetik berbanding bergantung kepada baka lembu sedia ada,” katanya.

